

Bahasa Kesat Dan Cacian Di Twitter

Foul Language and Profanity on Twitter

NURUL AYU NABILA AYOB & WAN ROBIAH MEOR OSMAN

ABSTRAK

Komunikasi masyarakat dunia mengalami perubahan drastik kesan daripada kepesatan teknologi maklumat. Komunikasi kini menjadi mudah, pantas dan dekat apabila seluruh masyarakat dunia dapat berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain. Hal ini secara tidak langsung telah memberikan kesan terhadap gaya atau trend berbahasa masyarakat. Kini masyarakat siber dilihat lebih kerap meluangkan masa bersosial dalam platform digital. Dengan peralihan medium komunikasi berteraskan pengkomputeran digital ini masyarakat dunia amnya dilihat mulai aktif dan berinteraksi secara bebas tanpa sempadan. Hal ini mengundang kepada penggunaan bahasa gaya bebas, kasar, kesat dan bersifat cacian. Gaya bahasa ini khususnya yang berunsur kesat dan cacian mulai digunakan secara berleluasa terutama apabila melibatkan isu-isu panas dan tular. Situasi berbahasa ini menjadi trend dalam kalangan pengguna internet khususnya di Twitter. Platform Twitter dilihat menjadi medan perdebatan antara netizen tentang sesuatu isu sama ada dalam dan luar negara. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti penggunaan bahasa kesat dan cacian dalam kalangan pengguna Twitter berasaskan Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996). Hasil daripada kajian menunjukkan terdapat lima strategi ketidaksantunan Culpeper (1996) yang dikenal pasti, iaitu ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif, sarkastik/sindiran dan menahan kesantunan. Hasil daripada penelitian juga menunjukkan ketidaksantunan bahasa yang menggunakan bahasa kesat dan cacian di Twitter merupakan suatu tindak balas daripada pencetus yang mendorong sesuatu ujaran berlaku. Fenomena berbahasa kesat dan cacian ini menunjukkan wujudnya perubahan besar dalam trend berbahasa masyarakat khususnya di platform digital. Masyarakat dilihat mulai menormalisasikan bahasa-bahasa kesat dan cacian ini. Situasi gaya berbahasa negatif ini perlu dibendung oleh semua pihak terutamanya pihak berwajib dan perlunya kesedaran dalam kalangan netizen tentang impak negatif daripada kebiasaan berbahasa kesat dan cacian ini.

Kata kunci: Strategi Ketidaksantunan; Bahasa Kesat; Cacian; Twitter; Media Sosial

ABSTRACT

The communication of the world community has undergone drastic changes as a result of the speed of information technology. Communication is now easy, fast and close when the entire world community can connect and interact with each other. This has indirectly had an impact on the language style or trend of the community. Now cyber society is seen to spend more time socializing in digital platforms. With the transition of this digital computing-based communication medium, the world community is generally seen to be active and interact freely without borders. This invites the use of free style language, rough, abusive and blasphemous. This style of language, especially those with abusive and insulting elements, began to be used widely, especially when it involved hot and contagious issues. This language situation has become a trend among internet users, especially on Twitter. The Twitter platform is seen as a field of debate between netizens about an issue whether domestic or foreign. As such, this study was conducted to identify the use of abusive language and insults among Twitter users based on Culpeper's Impoliteness Strategy (1996). The results of the study show that there are five impoliteness strategies Culpeper (1996) identified, namely direct impoliteness, positive impoliteness, negative impoliteness, sarcastic/sarcasm and withholding politeness. The results of the research also show that language impoliteness that uses abusive language and insults on Twitter is a reaction from the trigger that prompts something to happen. This phenomenon of abusive language and blasphemy shows the existence of a big change in the trend of social language, especially on digital platforms. Society is seen to begin to normalize these abusive and blasphemous languages. The situation of this negative language style needs to be curbed by all parties, especially the authorities and the need for awareness among netizens about the negative impact of this habit of foul language and profanity.

Keywords: Impoliteness Strategies; Foul Language; Profanity; Twitter; Social Media

PENGENALAN

Seiring dengan kemajuan teknologi pengguna media sosial kini bebas berinteraksi dan berkomunikasi di alam maya tanpa batasan. Semua maklumat hanya di hujung jari. Bahasa yang merupakan alat komunikasi untuk berinteraksi di alam maya apabila digunakan dengan baik boleh memudahkan dan melancarkan komunikasi. Walaupun demikian, trend berbahasa komuniti maya mulai berubah kepada penggunaan bahasa tidak sopan seperti bahasa kesat dan cacian. Ramli (2019) menyatakan bahawa warga maya telah menggunakan ruang siber dengan bebas dan tanpa sekatan menyebabkan sifat budi itu sendiri atau penafian terhadap tiga konsep budi, iaitu: budi pekerti, akal budi dan baik budi tidak dititikberatkan. Pengguna media sosial kini tanpa segan silu menggunakan bahasa tidak santun, bahasa kesat, cacian dan kecaman kepada sasaran bicara sekiranya sasaran bicara ini tidak memenuhi kehendak mereka ataupun melakukan kesalahan yang tidak memuaskan hati atau tidak baik menurut mereka tanpa mengira siapa. Selain itu, penggunaan kata kesat ini dapat dilihat sebagai medium dalam menyampaikan mesej tersirat. Menurut Triadi (2017), makian yang muncul di media sosial dapat dilihat dan dapat menjadi sasaran bagi sesiapa sahaja yang membaca, sama ada ahli keluarga, rakan sekerja, sahabat handai atau individu yang tidak dikenali. Menurut Mahali (2007) dalam Ritos dan Daud (2020), menyatakan bahawa bahasa makian digunakan untuk melepaskan rasa marah, kecil hati dan benci dalam diri seseorang terhadap orang lain. Manusia yang mempunyai pelbagai perasaan dan emosi tidak terlepas daripada menahan amarah seterusnya melepaskan begitu sahaja tanpa memikirkan persekitaran dan sekeliling. Kata-kata kesat kini menjadi kebiasaan atau normalisasi bagi masyarakat yang secara tidak langsung boleh menjejaskan kesantunan dan budaya seni berbahasa. Sulaiman dan Yusof (2023) menjelaskan bahasa kesat merupakan suatu bentuk ragam bahasa yang tidak sopan, kurang ajar dan menjadi tabu dalam budaya masyarakat di Malaysia. Fenomena berbahasa kesat yang menular dalam kalangan komuniti maya merupakan sesuatu yang harus diberikan perhatian untuk melihat sejauh mana bahasa kesat atau cacian ini menjadi ratib harian netizen. Oleh hal yang demikian, kajian ini amat wajar dilakukan bagi meneliti penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan pengguna media sosial khususnya di *Twitter*.

SOROTAN KAJIAN

Kajian Nurlaili (2018) mendapati daripada lima strategi berbahasa Culpeper, antaranya strategi ketidaksantunan positif merupakan strategi yang paling dipatuhi kerana strategi ini menggunakan umpatan dengan kata-kata yang kasar serta penggunaan tuturan yang tidak sepatutnya atau lebih kepada sifat menghina. Kajian ini meneliti aspek ketidaksantunan berbahasa yang digunakan oleh para komentar daripada laman *Twitter* Komisi Pemilihan Umum (KPU). Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan strategi ketidaksantunan Culpeper mendapati terdapat tiga strategi yang memiliki keputusan tertinggi dalam kajian ini, iaitu strategi ketidaksantunan positif yang merupakan penggunaan bahasa tabu (anjing lo), tiada simpati (terbodoh sedunia), kasar (dasar pencuri), dan menggunakan nama gelaran yang menghina (pembongkok). Kemudian, strategi ketidaksantunan secara langsung, iaitu dengan jelas memberi ancaman secara langsung kepada sasaran (ingin sekali aku menampar mulut kalian). Akhir sekali ialah strategi ketidaksantunan negatif yang merendahkan (tidak berkemampuan), meremehkan (anakku yang kelas 1 sekolah rendah lebih pintar daripada kalian) serta menakuti sasaran (mudah-mudahan lagi ada yang mati mendadak). Secara rumusannya, kajian ini menunjukkan kata-kata tidak santun ini digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat yang dianggap sebagai kurangnya moral dalam berbahasa.

Kajian Sivashanmugam (2018) pula memfokus kepada ketidaksantunan dalam iklan nasihat sosial THR Raaga dengan memilih 35 iklan daripada 63 buah iklan. Kajian ini menggunakan dua pendekatan, iaitu kaedah analisis teks bagi mengenal pasti bahasa tidak santun dan kaedah temu bual bagi menganalisis persepsi pendengar. Hasil kajian mendapati daripada lima strategi Culpeper hanya empat strategi ketidaksantunan telah digunakan dalam kajian ini. Antaranya ialah strategi ketidaksantunan secara langsung yang mencatat kekerapan paling tinggi berbanding strategi lain, iaitu ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif dan sindiran. Selain itu, hasil kajian berkaitan persepsi pendengar pula mendapati pelbagai pendapat dan persepsi yang diperoleh daripada responden yang rata-ratanya prihatin terhadap budaya yang tidak santun dan boleh menyinggung perasaan seseorang. Hasil kajian juga mendapati ketidaksantunan bahasa ini berlaku disebabkan oleh peredaran zaman dan

suatu pembentukan mesej yang kreatif dalam menyedarkan pendengar tentang isu-isu sosial yang berlaku. Walaupun begitu, aspek ketidaksantunan berbahasa dilihat boleh menjejaskan bahasa masyarakat dengan limpahan bahasa-bahasa kesat dan cacian yang secara tidak langsung boleh menjejaskan kebudayaan berbahasa masyarakat khususnya golongan kanak-kanak dan remaja antara golongan yang mudah terpengaruh.

Kajian Rahman dan Hassan (2019) pula meneliti analisis pragmatik berdasarkan Culpeper dalam strategi kesantunan dan ketidaksantunan berkaitan isi belanjawan sulung negara tahun 2018 dalam Facebook. Hasil dapatan menunjukkan semasa siaran langsung terdapat komen-komen yang menunjukkan strategi ketidaksantunan, iaitu “kau ni sadiq buat malu keturunan syed” yang jelas mengancam air muka bekas Menteri Belia dan Sukan kerana namanya telah disebut secara langsung. Selain itu, pengguna Facebook juga telah menggunakan nama bekas Perdana Menteri dan bekas timbalan Perdana Menteri iaitu “Najib” dan “Zahid” secara jelas dan langsung tanpa sebarang bentuk hormat yang merujuk pada komen dengan label “pencuri”. Perkara ini dengan jelas mengancam air muka secara langsung apabila menyatakan nama sasaran dengan jelas tanpa berselindung.

Selain itu, Krishnan (2018) meneliti strategi ketidaksantunan bahasa dalam komen Malaysiakini yang telah menggunakan bahasa tidak sopan terhadap ketidakpuasan bagi kenaikan harga petrol. Kajian menggunakan kaedah kualitatif deskriptif ini mendapati daripada lima strategi ketidaksantunan Culpeper, hanya empat strategi ketidaksantunan yang dipatuhi dalam ruangan komen Malaysiakini. Dapatan pertama ialah strategi ketidaksantunan secara langsung yang memperoleh kekerapan paling tinggi, dan kemudiannya diikuti strategi ketidaksantunan negatif, strategi ketidaksantunan positif dan strategi ketidaksantunan sindiran. Dapatan kedua, iaitu bentuk pertama, strategi ketidaksantunan secara langsung yang telah diperoleh daripada ruang komen yang ditulis oleh rakyat Malaysia dengan ujaran yang ditujukan secara langsung menggunakan nama kepada YAB Perdana Menteri “najib”. Frasa “sumbat mulut” dan “cucuk dekat punggung dengan nozel minyak petrol” menunjukkan dengan jelas penulis komen mengancam air muka YAB Perdana Menteri secara langsung. Komen menjatuhkan air muka juga telah ditujukan kepada YAB Perdana Menteri dan isteri dengan menyerupakan mereka dengan seekor haiwan apabila morfem “si” yang biasa digunakan untuk kata sandang bagi haiwan telah digunakan

seperti “si Najib dan si Rosmah”. Bentuk kedua, iaitu strategi ketidaksantunan negatif dengan penulis komen yang mengibaratkan ekonomi negara sebagai biskut yang rapuh dan tidak kuat, contohnya “da bosan dgn ekonomi negara yg mcm biskut”. Selain itu, penulis komen juga menggunakan perkataan tidak santun, seperti “si badut” kepada YAB Perdana Menteri yang mengibaratkan pentadbiran YAB Perdana Menteri sebagai suatu jenaka seperti badut. Hasil dapatan juga menunjukkan terdapatnya strategi ketidaksantunan sindiran, contohnya “hari ni gaji, esok dah makan maggi, terbaik la kerajaan nii”. Menerusi dapatan jelas menunjukkan bahawa masyarakat kini meluahkan rasa tidak puas hati mereka tanpa berselindung dan bahasa kiasan positif juga makin terhakis.

Sementara itu, kajian Abdul Wahab, NorHashi dan Wan Mohamad (2021) terhadap 50 orang pelajar di Universiti Sains Malaysia (USM) dan Tianjin Foreign Studies University (TFSU) dengan meneliti aspek kesantunan dan ketidaksantunan berbahasa. Dengan menggunakan *Program Statistical Package for The Social Science* (SPSS) versi 22.0, kajian ini memanfaatkan Prinsip Kesopanan Leech (1983) dalam menganalisis data soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa amalan kesantunan berbahasa kedua-dua pelajar dari USM dan TFSU masing-masing mempunyai skor min dan sisihan piawai ($M=4.624$, $SP=0.418$) dan ($M=4.256$, $SP=0.616$) yang menggambarkan tahap interpretasi tinggi dan sangat memuaskan. Dapatan kajian bagi amalan ketidaksantunan pula menunjukkan keputusan sebaliknya, iaitu skor min dan sisihan piawai ($M=2.101$, $SP=0.79$) dan ($M=2.664$, $SP=0.918$) yang secara tidak langsung menggambarkan tahap interpretasi yang rendah dan tidak memuaskan. Menerusi kajian ini didapati bahawa keenam-enam maksim yang diperkenalkan oleh Leech (1983) telah diikuti oleh para pelajar dari USM dan TFSU. Seterusnya, kajian oleh Jeffry, Mansor dan Omar (2023) juga meneliti tentang strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) dengan memanfaatkan 288 komen netizen. Hasil dapatan menunjukkan terdapat kepelbagaian dalam penggunaan strategi ketidaksantunan, contohnya ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan negatif, sarkastik atau sindiran dan bentuk ketidaksantunan yang tidak sesuai. Selain itu, bagi analisis kuantitatif daripada 100 orang pelajar universiti tempatan di Malaysia yang berusia antara 18 hingga 35 tahun menunjukkan bahawa kebanyakan responden menerima penggunaan strategi ketidaksopanan dalam interaksi media sosial Facebook. Hal ini menggambarkan bahawa hasil daripada soal selidik

dilihat tidak sejajar dengan realiti interaksi di *Facebook*, yang jelas menunjukkan strategi tidak santun ini digunakan secara meluas. Berdasarkan kajian-kajian yang dipaparkan jelas menunjukkan bahawa kajian ketidaksantunan sering menjadi tumpuan pengkaji khususnya di media dalam talian. Hal ini merupakan suatu kajian yang menarik untuk dikaji dengan lebih terperinci dan mendalam. Tambahan, dalam perkembangan teknologi maklumat dan perkembangan zaman rangkaian media sosial telah menjadi platform komunikasi terkini masyarakat dunia. Oleh hal yang demikian, kajian berkaitan platform digital amat relevan dan bersifat semasa dalam meneliti fenomena kebahasaan khususnya bahasa tidak sopan yang mulai menjadi suatu kelaziman pertuturan dalam masyarakat.

KAEDAH KAJIAN

Twitter dipilih sebagai bahan kajian kerana platform *Twitter* bersifat terbuka yang digunakan oleh pengguna dalam menulis pelbagai perkara sama ada informasi, luahan dan lain-lain yang merupakan komen asli daripada tulisan pengguna *Twitter* itu sendiri. Kajian ini memanfaatkan data di garis masa dan ruangan komen yang menggunakan bahasa kesat dan cacian di *Twitter*. Pemilihan *Twitter* sebagai data kajian disebabkan oleh populariti platform ini yang mempunyai 5.1 juta pengguna aktif pada tahun 2025 (datareportal.com). Sebanyak 200 data bahasa tidak sopan yang terdiri daripada bahasa kesat dan cacian dikumpul daripada pengguna *Twitter*. Kutipan sebanyak 200 data bahasa kesat ini dilihat wajar, berpadu dan bersesuaian dengan tujuan kajian ini. Data di *Twitter* ini diambil dalam

tempoh enam bulan mulai Jun hingga Disember dan semua identiti pengguna dianonimkan bagi tujuan menjaga etika penyelidikan. Tambahan lagi, data yang diambil adalah secara terbuka di ruangan komen dan garis masa pengguna serta bersifat sulit tanpa mendedahkan akaun pemilik *Twitter* tersebut. Kajian ini menggunakan analisis kandungan teks dengan data yang dikumpulkan melalui hasil carian secara teliti dikategorikan mengikut kerangka strategi ketidaksantunan Culpeper (1996), iaitu strategi ketidaksantunan secara langsung, strategi ketidaksantunan positif, strategi ketidaksantunan negatif, sarkasme dan menahan kesantunan.

STRATEGI KETIDAKSANTUNAN DI *TWITTER*

Hasil dapatan daripada 200 data yang diperoleh daripada penggunaan bahasa kesat dan cacian di *Twitter* menunjukkan kelima-lima strategi Culpeper (1996) telah digunakan, iaitu strategi ketidaksantunan secara langsung, strategi ketidaksantunan positif, strategi ketidaksantunan negatif, sarkasme dan menahan kesantunan.

STRATEGI KETIDAKSANTUNAN SECARA LANGSUNG

Strategi ketidaksantunan secara langsung merupakan tindakan yang dilakukan secara terus terang dengan menggunakan nama sasaran secara jelas. Hal ini secara jelas mengancam air muka sasaran tanpa berselindung. Penggunaan strategi ketidaksantunan secara langsung dengan bahasa kesat menggambarkan bahawa netizen yang menulis mempunyai keberanian dalam menyatakan mesej secara langsung.

JADUAL 1. Strategi ketidaksantunan secara langsung di *Twitter*

Strategi Kesantunan Culpeper (1996)	Contoh penggunaan ayat di <i>Twitter</i>
Ketidaksantunan Secara Langsung	1a. Orang pertama aku maki babi ... Azhar Harun. Ingat nama ni, nama babi yang menghalang parlimen bahas isu banjir.
	1b. Paling haram jadah kerajaan MP Bera @IsmailSabri60 ni... bila rebut kerajaan, siang malam mesyuarat. Time banjir kilat, sekor tak nampak muka.. Memang sial korang ni... Termasuk la haram jadah PAS...
	1c. Mael Sabri ke Rina Haron ke semua politician ni aku doakan mati tenggelam lemas ke mati kubur sempit ke mati tak cukup nafas ke bodoh nak mampus korang semua iblis level anjing yang betul pon tak lagi jijik dari korang sebab korang lagi haram untuk dipegang anjing!
	1d. MET dah bg warning dua hari awal lagi sepatutnya kerajaan bodoh ni boleh prepared dah apa semua boleh blast guna MKN sial tu warning orang awam tapi tak dia kalut nak potong kek jugak celaka lah semua ahli politik!!!
	1e. Siapa yg sokong bangjad memang bangsad , orang tu hina islam depan ka'bah sebelum covid, kau rilek je cakap dia ada hak, kalau aku rembat muka pon kira hak aku la sebab kau hina agama aku.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan di *Twitter*, penyelidik mendapati strategi ketidaksantunan secara langsung dengan penggunaan bahasa kesat dan cacian banyak dilakukan oleh pengguna *Twitter* (Jadual 1). Mesej secara tepat dan langsung tanpa berselindung dilihat berleluasa penggunaannya. Ujaran seperti “Orang pertama aku maki babi... Azhar Harun”, “Paling haram jadah kerajaan MP Bera @IsmailSabri60 ni, “Mael Sabri ke Rina Haron ke semua politician ni aku doakan mati tenggelam lemas...” Ingat nama ni, nama babi yang menghalang parlimen bahas isu banjir. Penggunaan nama individu yang merupakan bekas speaker Dewan Rakyat ini dinyatakan secara jelas dengan harapan mesej yang ditulis ini sampai kepada orang yang dituju. Tindakan ini tidak menghiraukan nama baik sasaran dengan sewenang-wenangnya memberi cacian secara langsung. Bahasa kesat dan cacian yang digunakan merupakan sesuatu tindakan yang jelas tidak sopan dan beradab. Selain itu, contoh 1b jelas menunjukkan strategi ketidaksantunan secara langsung dengan menggunakan nama YAB Perdana Menteri Malaysia tanpa sebarang tanda hormat. Ujaran “Memang sial korang ni” kepada pihak kerajaan juga membuktikan pengguna *Twitter* tersebut mengancam sasaran dengan penggunaan bahasa cacian secara jelas dan tanpa sebarang kekaburan. Penggunaan korang yang ditujukan secara jelas kepada pihak kerajaan juga menunjukkan kata panggilan yang tiada tanda hormat. “Sekor” juga merupakan suatu kebiadapan dalam berbahasa. Perkara ini melanggar norma sosial positif dengan penggunaan ujaran negatif dan tidak bermoral. Hal yang sama boleh dilihat

menerusi contoh-contoh lain iaitu 1d dan 1e terangkan mengutuk METMalaysia dan MKN (Majlis Keselamatan Negara) dan Sajad Kamaruzaman seorang pengengaruh dan peniaga kosmetik dengan kata-kata kesat. Penggunaan bahasa kesat dan cacian seperti “haram jadah, iblis, mampus, bodoh, sial, anjing, celaka dan bangsad” juga ditujukan secara langsung kepada kerajaan oleh netizen. Penggunaan bahasa kesat dan cacian ini dapat dilihat sebagai elemen sokongan dan untuk memperkuat strategi ketidaksantunan secara langsung yang digunakan. Jelas, strategi ketidaksantunan secara langsung digunakan dengan bahasa kesat dan cacian agar mesej yang ingin diutarakan sampai kepada sasaran. Hasil dapatan jelas menunjukkan pengguna *Twitter* mengancam air muka dan mengaibkan sasaran tanpa berselindung dengan penggunaan bahasa kesat dan cacian yang merupakan ujaran-ujaran negatif yang melanggar norma budaya positif masyarakat.

STRATEGI KETIDAKSANTUNAN POSITIF

Strategi ketidaksantunan positif merupakan sesuatu tindakan mengancam sasaran dengan tiada niat untuk terlibat dalam aktiviti atau perkara yang berlaku. Aspek yang terkandung dalam strategi ini adalah dengan menggunakan nama gelaran yang menghina, kasar dan cacian tanpa niat menggunakan nama atau kedudukan sebenar sasaran. Perkara ini merupakan aspek bagi mengelakkan keterlibatan secara langsung. Berikut merupakan contoh penggunaan bahasa kesat dan cacian yang digunakan oleh pengguna *Twitter* di Malaysia yang mempunyai elemen strategi ketidaksantunan positif (Jadual 2).

JADUAL 2. Strategi ketidaksantunan positif di *Twitter*

Strategi Kesantunan Culpeper (1996)	Contoh penggunaan ayat di <i>Twitter</i>
Ketidaksantunan Positif	2a. Celaka lah korang dunia akhirat!! Buat rakyat macam sampah!! Kau jawab kat sana nanti!
	2b. Pergi tengok midnight movie sorang2 ingat aman la sebab hall banyak seat kosong. Sekali sebaris mat celaka duduk belakang kaki asyik nak langgar kerusi, sibuk duk balas voice notes, jawab call sampai 2 kali, kunyah popcorn tak reti tutup mulut punya la kuat bunyi makan. Cilaka
	2c. Eloknya sesape jumpa omputih yang pangai macam babi ni, ludah je.
	2d. Merdeka kah kita kalau masih dijajah oleh politaik ?
	2e. Celaka jahanam la meeting politik semua time banjir ni. Eyy

Berdasarkan penulisan pengguna *Twitter* tersebut menunjukkan bagaimana penggunaan bahasa kesat dan cacian dan strategi ketidaksantunan positif berkait rapat. Penggunaan “celaka lah

korang, kau” digunakan tanpa mengancam secara terus-terang kepada sasaran. Hal ini demikian jika diteliti perkara yang ingin disampaikan merupakan antara rakyat dan kerajaan. Pengguna *Twitter*

tersebut menggunakan “korang, kau, mat, omputih, politik” tanpa menunjukan kepada sasaran secara khusus atau spesifik, iaitu individu, pihak kerajaan dan pimpinannya. Dalam hal ini, penyelidik mendapati penulisan tersebut merupakan strategi ketidaksantunan positif, iaitu ancaman yang dilakukan dengan menggunakan penanda atau kata ganti nama identiti yang tidak jelas atau kabur untuk merujuk kepada kerajaan dan pimpinannya. Dalam penggunaan strategi ketidaksantunan positif tersebut, penggunaan bahasa kesat sama seperti strategi ketidaksantunan secara langsung, iaitu “celaka, cilaka, jahanam, babi, politaik” yang didapati boleh mengancam air muka sasaran. Yang membezakan kedua-dua strategi ini ialah konteks ayat bagi strategi ketidaksantunan langsung menunjukan kata-kata kesat secara tidak berselindung kepada individu atau pihak sasaran sedangkan strategi ketidaksantunan positif pula menyamakan pihak yang dicaci. Dalam hidup bermasyarakat, melakukan perkara bermoral dan menyenangkan orang lain merupakan satu tindakan yang menjaga keharmonian sejagat. Akan tetapi sekiranya tidak menjaga tingkah laku di tempat awam sudah tentu

akan mendatangkan perasaan tidak senang kepada orang lain dan jelas menunjukkan sesuatu yang mementingkan diri sendiri. Berdasarkan penulisan pengguna *Twitter* tersebut, strategi ketidaksantunan positif dalam penggunaan bahasa kesat dan cacian dapat dilihat, iaitu penulis tersebut menggunakan gelaran “mat celaka” kepada sasaran tanpa identiti yang jelas. Penggunaan bahasa kesat berunsur sumpahan “celaka” tersebut merupakan satu ujaran yang negatif dan tidak sepatutnya digunakan dalam memberi gelaran kepada orang lain.

STRATEGI KETIDAKSANTUNAN NEGATIF

Strategi ketidaksantunan negatif merupakan sesuatu tindakan yang merosakkan air muka sasaran dengan merendahkan, meremehkan serta menakutkan sasaran. Aspek-aspek ini digunakan secara langsung dengan niat melibatkan sasaran dengan jelas untuk menghina dan mengaibkan air muka sasaran. Berikut merupakan contoh strategi ketidaksantunan negatif dalam penggunaan bahasa kesat dan cacian pengguna *Twitter* di Malaysia (Jadual 3).

JADUAL 3. Strategi ketidaksantunan negatif di *Twitter*

Strategi Kesantunan Culpeper (1996)	Contoh penggunaan ayat di <i>Twitter</i>
Ketidaksantunan Negatif	3a. Menteri bodoh senang kena tipu
	3b. Makcik makcik ni boleh tak senyap mulut sial bodoh suka hati aku la taknak masuk asrama kau kenapa anak kau bagus sangat ke sial bodoh muka buruk
	3c. And yes... Mnet yg bodoh . Tak reti ambik peluang lagi besar. Kau bykan swf tu dah famous, lepastu kau tambah lagi grup2 yg tengah viral macam Stayc ke Weeekly ke, tak ke lagi untung dorang?
	3d. Cakap dengan si bodoh silap2 aku boleh terikut bodoh . Memang patut kena rembat la kasi bodoh kau hilang.
	3e. Tweet asal cakap pasal common sense la anak babi . Kau faham tak makna common sense? Ke benak sgt bnyk makan babi ? Aku mute conv dengan bodoh mcm kau sebelum aku jd bodoh

Data kajian ini menunjukkan bahasa kesat dan cacian semakin berleluasa. Pengguna maya tanpa segan silu memaki dengan bebas. Hal ini boleh dilihat daripada data-data yang dipaparkan menghina pemimpin negara. Ujaran seperti “Menteri bodoh senang kena tipu” menunjukkan tindakan menghina dan mengaibkan sasaran dengan tujuan memperlekehkan sasaran secara agresif bagi merosakkan harga diri sasaran dengan penggunaan bahasa cacian “bodoh senang kena tipu”. Bodoh merupakan satu perkataan yang tidak mempunyai kesantunan dalam penulisan kerana dapat dilihat maksud yang ingin disampaikan berunsur negatif

seperti tidak tahu apa-apa sedangkan sasaran yang dituju merupakan pemimpin kerajaan yang mentadbir negara. Ikon sebagai menteri dapat difahami sebagai seorang yang mempunyai latar belakang akademik dan berpengetahuan luas. Justeru, tindakan memperlekehkan mereka adalah sesuatu yang tidak wajar dan bertentangan dengan norma sosial positif dalam masyarakat. Berdasarkan penulisan pengguna *Twitter* jelas menunjukkan elemen strategi ketidaksantunan negatif dengan penggunaan bahasa kesat dan cacian. Ayat seperti “makcik ni tak boleh senyap mulut sial bodoh...” secara jelas mencaci dan merendahkan individu

yang lebih tua daripada penulis tersebut. Selain itu, ketidaksantunan negatif juga boleh dilihat pada ujaran "...kau bagus sangat ke sial bodoh muka buruk". Penulis bertindak merendahkan dan meremehkan sasaran dengan ujaran kesat seperti "bagus sangat ke sial" dan menghina sasaran dengan "muka buruk". Perkara ini merupakan sesuatu tindakan yang jelas menunjukkan sesuatu yang negatif ditujukan kepada individu yang lebih berusia. Menerusi dapatan, menunjukkan bahawa komuniti maya telah hilang malu dan segan dalam meluahkan rasa ketidakpuasan hati masing-masing. Tiada lagi kata berlapis yang sering menjadi penanda kesantunan masyarakat Melayu dahulu yang

lazimnya menggunakan kias ibarat dan pemilihan kata yang berhati-hati agar tidak menyinggung perasaan seseorang.

SARKASTIK/KESANTUNAN SINDIRAN

Dalam kajian strategi ketidaksantunan sindiran, aspek yang terdapat pada bahagian ini merupakan tindakan yang dilakukan secara berpura-pura, ajukan, dibuat-buatkan dan sebagainya. Berikut merupakan contoh yang terdapat daripada pengguna *Twitter* di Malaysia mengikut strategi ketidaksantunan sindiran dalam penggunaan bahasa kesat dan cacian (Jadual 4).

JADUAL 4. Strategi sarkastik/kesantunan sindiran di *Twitter*

Strategi Kesantunan Culpeper (1996)	Contoh penggunaan ayat di <i>Twitter</i>
Sarkastik/kesantunan sindiran	4a. Sial simple malay kau pun tak fhm apa yang kau fhm sial at this point idc kalau kau sakit hati dengan tweet aku .
	4b. 1st, gf kau tak lawa. 2nd, jangan kutuk orang if taste kau pun cam sial .
	4c. Macam gi mampus la bodoh kau devastated ke apa. aku lagi kecewa kot ingat mintak consult dapat doktor bagus and memahami tapi tak. Dapat doc Chinese pastu dengan ayat guilt trip dia konon nak buat aku bersalah.
	4d. Membe aku pun takcaya covid tapi area flat dia dipaksa vaccine dia ikut je sial hahaa bodoh statement dia takcaya covid bleh gi mampus hshss.
	4e. Melayu ni majoriti dekat Malaysia yang takut sangat nak rosak bangsa apa jadah sial .

Tindakan menyindir dengan menggunakan bahasa kesat dan cacian dapat dilihat pada ujaran "sial simple malay pun kau tak faham apa yang kau faham sial...", iaitu penulis tersebut menyindir sasaran mengenai bahasa Melayu mudah yang dianggap bahasa yang mudah tetapi tidak difahami. Penggunaan bahasa kesat dan cacian "sial" digunakan pada awal dan akhir ujaran tersebut tanpa sebarang kekaburan dalam ketidaksantunan berbahasa tersebut. Malahan, tindakan tersebut tidak mempunyai nilai moral yang positif dalam norma sosial. Daripada penulisan pengguna *Twitter* ini dapat dilihat bagaimana strategi ketidaksantunan sindiran dalam penggunaan bahasa kesat dan cacian berlaku. Strategi ketidaksantunan sindiran dalam penggunaan bahasa kesat dan cacian pada penulisan pengguna *Twitter* ini dapat dilihat, iaitu penulis tersebut menyindir sasaran dengan mengatakan cita rasa sasaran tidak bagus dengan menggunakan perumpamaan daripada bahasa kesat, iaitu ujaran "taste kau pun cam sial". Pengguna *Twitter* tersebut dengan niat menyindir sasaran dengan mengatakan teman wanita sasaran tidak cantik dan tidak perlu

mengatakan orang lain jika sasaran juga tiada cita rasa yang bagus. Selain itu, ujaran ayat 4c menunjukkan luahan tidak puas hati netizen dengan unsur sindiran "...ingat mintak consult dapat doktor bagus and memahami tapi tak...". Penggunaan unsur sindiran tajam ini seperti "Macam gi mampus la bodoh kau..., bleh gi mampus hshss, nak rosak bangsa apa jadah sial" dilihat menjadi bahasa harian komuniti media sosial kini. Hal ini semakin berleluasa dalam kebanyakan perbualan netizen khususnya di *Twitter*.

STRATEGI MENAHAN KESANTUNAN

Dalam kajian ini terdapat juga strategi menahan kesantunan yang digunakan pengguna *Twitter* di Malaysia. Aspek yang terdapat dalam bahagian ini adalah dengan tidak melakukan kesantunan diharapkan. Dengan kata lain, tindakan yang terkandung daripada strategi menahan kesantunan ini berlaku apabila tidak menunjukkan sebarang kelakuan yang mengandungi sopan santun seperti tidak menunjukkan simpati atau budi bahasa yang

terdapat daripada elemen kesantunan. Berikut merupakan contoh penulisan pengguna *Twitter* yang mengandungi strategi menahan kesantunan dalam

penggunaan bahasa kesat dan cacian dalam data kajian ini (Jadual 5).

JADUAL 5. Strategi menahan kesantunan di *Twitter*

Strategi Kesantunan Culpeper (1996)	Contoh penggunaan ayat di <i>Twitter</i>
Menahan kesantunan	5a. Dah kena lenyek lori nanti mula lah keluar segala kisah sedih dah nak kawen lah baru kawen lah ada anak kecik lah masa hidup bagai. Pastu kita yang tak tau cerita mula lah kesian n maki driver lori. Bodoh tapi baik masa hidup pun tak guna dah masa tu.
	5b. Apa sangat bantuan kau nak bagi sial , ingat bagi 300 tu orang boleh hidup dua minggu ke. Bodoh .
	5c. Nak viral, viral je. Sape suruh perangai macam sial .
	5d. Mungkin sebab boleh mampus la, si perokok tu tak boleh terima. Elok bila nampak perokok taknak ikut peraturan, serkup je kepala dia dengan plastic hitam. Biar dia mampus seorang-seorang. Sedut la asap tu sampai mampus .
	5e. Memang bingai level 360 . Patut pelayan tu tambah lagi dengan menyiram sup panas atas kepala si bingai ni kan.

Berdasarkan penulisan pengguna *Twitter* terdapat strategi menahan kesantunan yang menyelitkan bahasa kesat dan cacian. Contoh “Dah kena lenyek lori nanti mula lah keluar segala kisah sedih...” dan “Apa sangat bantuan kau nak bagi sial..., nak viral, viral je, sape suruh perangai macam sial, ...serkup je kepala dia dengan plastic hitam, biar dia mampus seorang-seorang....patutnya pelayan tu tambah lagi dengan menyiram sup panas atas kepala si bingai ni kan” menunjukkan penggunaan kata yang tiada rasa simpati dan tidak berbudi bahasa. Netizen dilihat menulis sesuatu perkara seolah-olah tanpa berfikir panjang dan hanya menurut perasaan dan emosi. Hal ini yang menyebabkan kebanyakan kata yang keluar bersifat kesat dan cacian. Perkara ini merupakan perbuatan kurang sopan dan melanggar norma sosial positif dalam masyarakat.

Hasil kajian rata-rata pengguna media sosial, iaitu *Twitter* di Malaysia mempunyai strategi ketidaksantunan Culpeper (1996) dalam penggunaan bahasa kesat dan cacian. Penggunaan bahasa kesat dan cacian didapati mendominasi walaupun berada dalam model strategi yang berbeza. Jenis ketidaksantunan bahasa dalam penggunaan bahasa kesat dan cacian mereka dikategorikan mengikut model strategi ketidaksantunan Culpeper (1996), iaitu ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan negatif, ketidaksantunan positif, sarkastik/sindiran dan menahan kesantunan. Penggunaan bahasa kesat dan cacian di media sosial bukan sahaja berlaku secara langsung tetapi secara tidak langsung. Hal ini kerana terdapat data yang secara terus-terang ditujukan kepada sasaran

dan ada juga bersifat tersirat dengan menggunakan gelaran-gelaran tertentu kepada sasaran. Hal ini menyamai kajian Xavior (2017) yang menunjukkan kelima-lima strategi ketidaksantunan Culpeper (1996) telah digunakan oleh pengguna media sosial walaupun instrumen dan fokus kajian yang berbeza. Apabila seseorang individu meluahkan perasaan atau emosi, lazimnya tercetus disebabkan oleh aspek-aspek tertentu. Elemen pencetus dalam ketidaksantunan berbahasa bukan sahaja meluahkan amarah dan reaksi serta pandangan, terdapat juga elemen yang menjatuhkan dan memperkecilkan pihak lain. Menerusi kajian terdapat tiga elemen pencetus ketidaksantunan, iaitu strategi penghinaan, ungkapan negatif/kutukan dan ancaman berdasarkan model strategi ketidaksantunan Culpeper (2011). Kajian Krishnan (2018) misalnya memperlihatkan wujud tiga elemen pencetus utama, iaitu elemen yang paling ketara ialah penghinaan diikuti oleh ungkapan negatif/kutukan dan ancaman. Hal yang sama juga boleh dilihat dalam kajian ini menunjukkan elemen penghinaan yang kerap digunakan oleh pengguna media sosial berbanding elemen pencetus yang lain. Selain itu, hasil kajian ini juga menyamai hasil kajian oleh Sulaiman dan Yusof (2023) yang menunjukkan kebanyakan netizen secara terbuka meluahkan pandangan, kritikan dan luahan rasa kurang senang mereka dengan menggunakan bahasa yang kesat. Dalam kajian Sulaiman dan Yusof (2023) menunjukkan kata bodoh, sial, mampus, anjing dan sundal antara kata yang popular digunakan oleh pengguna media sosial. Menerusi hasil kajian ini juga jelas menunjukkan kata bodoh

dan sial misalnya dilihat menjadi kata wajib dalam berbahasa komuniti maya ini. Trend berbahasa kesat ini dilihat berleluasa digunakan tanpa segan silu dan ia seolah-oleh mulai menjadi trend dan normalisasi bahasa harian masyarakat khususnya dalam platform digital.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan kajian ini menunjukkan terdapatnya lima strategi ketidaksantunan Culpeper (1996) yang digunakan oleh pengguna komuniti maya. Hasil kajian menunjukkan netizen di media sosial menggunakan bahasa kesat dan cacian secara terbuka dalam menyampaikan sesuatu mesej kepada masyarakat umum. Penggunaan bahasa kesat dan cacian ini dilihat menjadi trend berbahasa komuniti maya. Hal ini amat membimbangkan jika tidak dibendung. Trend berbahasa kesat dan cacian ini jika dibiarkan akan menjadi normalisasi dalam masyarakat dan menenggelamkan budaya sopan santun yang telah menjadi identiti masyarakat di Malaysia. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab atau pihak kerajaan perlu mengambil perhatian dan tindakan dengan melakukan inisiatif atau penguatkuasaan dalam melaksanakan syarat atau peraturan kepada pengguna di laman media sosial agar tidak menulis komen yang bersifat negatif yang cenderung kepada penghinaan pada imej individu atau institusi.

RUJUKAN

- Abdul Wahab, M.K., NorHashi, M.N.T. & Wan Mohamad, W.A. 2021. Aspek Kesantunan dan Ketidaksantunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar Bahasa Melayu: Satu Kajian Perbandingan Dua Buah Negara. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik* 3(2): 1-20.
- Nurul Ayu Nabila Ayob
Fakulti Pendidikan Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia
- Wan Robiah Meor Osman
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
E-mel: mowrobiah@ukm.edu.my
Pengarang koresponden
- Ahmad, A.A., Yahya, M.A., Hashim, N. & Mahmor, N.A. 2016. Kesantunan bahasa semasa berkomunikasi di laman sosial. *Proceeding of the International Conference on Government & Public Affair*.
- Amin, N.M. & Sharipudin, M.N.S. 2020. English profanity on social media: Linguistic preferences and reasons for use. *International Conference on Communication and Media* 2020: 388-396.
- Cholidah, D. & Damanhuri, A. 2017. English swearing among teenagers in Instagram. *Language Horizon* 5(1): 58-65.
- Culpeper, J. 1996. Towards an anatomy of impoliteness. *Journal of Pragmatics* 25(3): 349-367.
- Culpeper, J. 2011. *Impoliteness: Using language to cause offence (Studies in Interactional Sociolinguistics, Series Number 28)* (Illustrated ed.). Cambridge University Press.
- Husda, A., Saragih, E.L.L. & Mulyadi. 2021. Taboo words in hate speech through social media. *Technium Social Sciences Journal* 17: 510-523.
- Kamus Dewan (Edisi 4). 2017. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krishnan, M. 2018. Strategi ketidaksantunan bahasa dalam komen Malaysiakini. Master Thesis, University of Malaya.
- Mohd Adam Fazery Jeffry, Nor Shahila Mansor & Siti Zobaidah Omar. 2023. Strategi ketidaksantunan bahasa dalam kalangan komuniti Facebook di Malaysia. *Prasasti: Journal of Linguistics* 8(2): 207-226.
- Nurlaili, S.P.I. 2019. Strategi ketidaksantunan berbahasa para komentator dalam sistem penghitungan suara (SITUNG) pilpres 2019 di akaun Twitter @kpu_id. *Jurnal Bahasa* 8(4): 1-10.
- Rahman, N.N.A. & Hassan. H. 2019. Analisis pragmatik strategi kesantunan dan ketaksantunan berkaitan isu belanjawan sulung negara tahun 2018 dalam Facebook. Dlm: *Linguistik Bahasa dan Pendidikan*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia, pp. 73-81.
- Ramli, R. 2019. Emosi dan ekspresi budi bahasa remaja dalam interaksi atas talian. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language* 2(8): 231-240.
- Ritos, S. & Daud, M.Z. 2020. Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal* 3(1): 64-83.
- Santoso, W.J. 2014. Bentuk, faktor, dan skala kesantunan dalam penyampaian maksud (305-315). *Prosiding Prasasti*. Siminto. Universiti Sebelas Maret.
- Sivanshanmugam, E.S. 2018. Ketidaksantunan dalam iklan nasihat sosial THR Raaga. Master Thesis. University of Malaysia.
- Sulaiman, S.N.A. & Yusof, M. 2023. *Trend Berbahasa Kesat dalam Komunikasi Media Sosial dalam Bahasa dan Identiti Masyarakat Tutur*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Triadi, R.B. 2017. Penggunaan makian bahasa Indonesia pada media sosial (kajian sosiolinguistik). *Jurnal Sasindo Unpam* 5(2): 1-26.
- Vani, M.A. & Sabardila, A. 2020. Ketidaksantunan berbahasa generasi milenial dalam media sosial Twitter. *Jurnal pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia* 3(2): 90-101.
- Xavior, A. 2017. Strategi ketidaksantunan bahasa juri dalam rancangan realiti/Anitha Xavior. Masters thesis, University of Malaya.